

KHUTBAH JUMAAT

"WANITA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA" (8 Mac 2024M/ 27 Syaaban 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً
لِلْعَالَمِينَ، وَإِمَاماً لِلْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَسَيِّداً لِلْأَوَّلِينَ وَالآخِرِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah *subhanahu wata'ala*. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita tidak mendapat sebarang bahagian pun manfaat daripadanya. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah mengingatkan kita:

((وَمَنْ لَعَلَّا فَلَيُسَرَّ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ))

Maksudnya: *Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu.*

(*Hadis riwayat Imam Abu Daud*)

Bersempena dengan Hari Wanita Antarabangsa pada hari ini, maka khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Wanita Pemangkin Kecemerlangan Negara**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Allah *subhanahu wata'ala* telah meletakkan kedudukan wanita pada tempat yang mulia di samping lelaki berdasarkan persamaannya dalam beberapa tanggungjawab dan perbezaan peranannya bersesuaian dengan kedudukannya. Hal ini jelas sepertimana sebahagiannya disebutkan dalam Surah al-Ahzab ayat 35 yang bermaksud;

“*Sesungguhnya orang lelaki yang Islam serta orang perempuan yang Islam, dan orang lelaki yang beriman serta orang perempuan yang beriman, dan orang lelaki yang taat serta orang perempuan yang taat, dan orang lelaki yang benar serta orang perempuan yang benar, dan orang lelaki yang sabar serta orang perempuan yang sabar, dan orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang lelaki yang bersedekah serta orang perempuan yang bersedekah, dan orang lelaki yang berpuasa serta orang perempuan yang berpuasa, dan orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang*

perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam lipatan sejarah, kaum wanita pernah dilayan dan diberi tanggapan negatif oleh sebahagian manusia. Dengan kedatangan dan keadilan Islam membebaskan mereka daripada layanan dan tanggapan negatif tersebut. Usahlah dinyatakan penganiayaan yang pernah dialami oleh golongan ini, hanya dengan diskriminasi dan eksplorasi yang terjadi pada masa kini pun sudah menggambarkan, betapa daripada sejarahnya mereka pernah diperlakukan lebih dahsyat daripada itu.

Merujuk kepada Statistik Kes Keganasan Rumah Tangga yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, pada tahun 2020, terdapat 939 kes daripada 1,047 kes melibatkan mangsa daripada golongan wanita. Pada tahun 2021 pula, jumlah mangsa yang direkodkan telah meningkat kepada 1,151 kes daripada keseluruhan 1,234 kes. Manakala pada tahun 2022 pula, menunjukkan penurunan kepada 768 kes daripada keseluruhan 843 kes yang direkodkan.

Mimbar ingin menyatakan dengan tegas, bahawa kejahilan dan sikap tidak memahami serta menghargai sesuatu, menatijahkan perkara seperti ini berlaku.

Sesungguhnya, dulu dan kini, sentiasa ada wanita yang telah membuktikan kejayaan dan peranannya membangunkan ummah di samping lelaki. Boleh juga dikatakan bahawa kejayaan seseorang lelaki ada wanita di sebaliknya, sama ada ibunya, isterinya atau anak perempuannya. Pengorbanan wanita silam bukan sekadar teladannya untuk dicontohi oleh kaum wanita sahaja bahkan kaum lelaki juga.

Marilah kita hayati bagaimana nama-nama besar seperti Hajar iaitu ibu kepada Nabi Ismail *alaihissalam* yang telah dipahat kisah pengorbanannya dalam sejarah Islam. Satu contoh nilai tarbiyah iman yang terhasil dan sukar untuk ditandingi. Ratu Saba' yang dikenali sebagai Balqis juga membuktikan wanita pernah mencapai taraf pemikir yang hebat. Saidatina Khadijah *radiallahu anha* telah menjadi seorang usahawan wanita yang berjaya sebelum dimuliakan sebagai isteri Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*. Begitulah juga wanita-wanita seperti Asiah, Maryam, Sumayyah, Aisyah, Fatimah, Asma', Rabiatul Adawiyah dan selain mereka ini yang namanya pernah mengharumkan dunia Islam. Sebahagian mereka ini dinobatkan sebagai *Ummahat al-Mukminin* iaitu ibu kepada orang beriman, sesuai dengan kedudukan mereka sebagai isteri kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Antara menghormati dan berhati-hati terhadap fitnah yang dikaitkan dengan golongan wanita, ia bergantung kepada bagaimana usaha golongan ini dibina, diperkasa dan dipelihara. Pembinaan yang melengkapi dan mengimbangi antara tuntutan spiritual dan fizikal

sudah pasti melahirkan generasi yang dapat menjamin ketenangan dan kebahagiaan. Hargailah mereka, setidak-tidaknya mereka lah yang telah melahirkan zuriat dan umat manusia untuk dikenangi pengorbanannya. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* katanya :

((جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَنْ أَحَقُّ النَّاسِ بِحُسْنِ صَحَابَتِي ؟ قَالَ : أَمْكَ، قَالَ : ثُمَّ مَنْ ؟ قَالَ : ثُمَّ أَمْكَ، قَالَ : ثُمَّ مَنْ ؟ قَالَ : ثُمَّ أَمْكَ، قَالَ : ثُمَّ مَنْ ؟ قَالَ : ثُمَّ أَمْكَ، قَالَ : ثُمَّ أَبُوكَ))

Maksudnya: Seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* lalu bertanya : “Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling patut saya perlakukan dengan baik?” Baginda menjawab, ((Ibumu)). Kemudian dia bertanya lagi : “Siapa lagi?” Jawab Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* ((Ibumu)). Dia bertanya lagi : “Kemudian siapa?” Jawab baginda ((Ibumu)). Dia bertanya lagi “Kemudian siapa?” Baginda menjawab, ((Kemudian ayahmu.))

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kini, kita bukan lagi ingin membicarakan kelemahan sesiapa, yang penting ialah daya saing yang telah dibuktikan mencapai kejayaan. Pengiktirafan diberikan terhadap sumbangan yang diberi tanpa mengira kaum dan jenis. Beginilah penghormatan yang diberikan oleh Islam dengan norma-norma yang digariskan syariat. Malah

merupakan tuntutan fardhu kifayah sesuatu tugas yang hanya keutamaannya layak disempurnakan oleh wanita. Tuntasnya di sini, peranan dan sumbangan wanita tidak harus dipandang sepi.

Negara pernah menggubal Dasar Wanita Negara pada tahun 1989 yang bertujuan untuk memperkasakan wanita dari sudut ekonomi, perundangan, politik, kesihatan, pendidikan, sains dan teknologi, pembuat keputusan dan lain-lain sebagai ejen perubahan kepada masyarakat.

Selain merupakan tonggak dalam sesebuah keluarga untuk mendidik generasi anak-anak, wanita di negara ini juga memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada pembangunan diri dan masyarakat malah menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi negara dalam usaha menjadi negara maju. Hal ini terbukti dengan ramai daripada kalangan wanita yang telah diberi kepercayaan untuk menjadi pemimpin, sama ada di peringkat negeri maupun kebangsaan, dalam organisasi awam maupun swasta. Para wanita dikurniakan kemuliaan dalam Islam kerana layak menerima tanggungjawab dan berhak mendapat layanan yang sewajarnya tanpa mengira situasi dan masa.

Menjadi harapan kita semua, agar penghormatan yang diberikan sejajar dengan sumbangan yang dihasilkan dengan peluang-peluang sentiasa ditawarkan untuk mengintegrasikan wanita dalam pelbagai aspek, peningkatan pengetahuan untuk membantu menjayakan perancangan dan pengukuhan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada minggu ini khatib menyarankan beberapa perkara;

Pertama: Mimbar menyeru supaya tiada pihak cuba mengambil kesempatan dengan mengeksplorasikan wanita tanpa hak.

Kedua: Mimbar juga menyeru supaya kehormatan dan ketinggian kaum wanita tidak dipandang remeh dengan mengenepikan pandangan dan sumbangan mereka.

Ketiga: Mimbar juga menyeru supaya wanita hari ini dapat meletakkan kedudukan diri sehebat wanita Islam zaman silam dengan asas keimanan yang kukuh kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Hujurat, ayat 13 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعْارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ (١٣)

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya, Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya, semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah

orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاؤَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada 6 - 10 Mac ini, sedang berlangsung Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Sarawak yang diadakan di Limbang. Marilah kita bersama-sama menggunakan kesempatan ini untuk mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan mempelajari, membaca dan memahami ayat-ayat al-Quran. Apatah lagi, Ramadan akan tiba dalam beberapa hari lagi. Maka, persiapkanlah diri dengan gigih memperbanyakkan amal soleh dan meninggalkan segala bentuk kemaksiatan. Semoga kita semua direzekikan untuk bertemu dengan bulan yang mulia itu, insya-Allah.

Pada kesempatan ini, khatib ingin juga mengingatkan pada jemaah sekalian terutamanya pada musim hujan ini, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat

besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikanlah apa yang kita makan bukan setakat ianya bertanda halal dan seumpamanya bahkan pastikan juga sumbernya adalah halal agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي
الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلْفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمَهْدِيْنَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ
وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِيْنَ الظَّالِمِيْنَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ
أَعْدَاءَ الدِّيْنِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِيْنَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِيْنَ
فِي فَلَسْطِيْنَ، اللَّهُمَّ بَدِدْ شَمَلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتَّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلَّ

أَقْدَمُهُمْ، وَسَلِطْ عَلَيْهِمْ كُلُّا مِنْ كُلَّ أِبَكَ، يَا قَهَّارُ يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ
يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعْلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.